

BAB 3

PENGARANG DAN KEPENGARANGAN

ZAHARAH NAWAWI

3.0 Pendahuluan

Bahasa kepengarangan berbeza mengikut komuniti dan budaya. Bahasa tulisan melebihi daripada satu bentuk. Proses kepengarangan adalah proses komunikasi yang boleh menyampaikan sahaja maksud bunyi dan makna. Konsep kepengarangan menurut Foucault, dalam tradisi-sastera cetak adalah tidak sama dengan konsep mengarang dan kepengarangan dalam tradisi manuskrip sama ada di Eropah mahu pun dunia Melayu.¹

Oleh itu, sebelum pengkaji mengkaji tentang novel Zaharah Nawawi ini, terlebih dahulu pengkaji akan mengkaji serba sedikit tentang latar belakang pengarang ini atau biografi beliau sehingga berjaya meletakkan diri beliau; sebaris dengan penulis-penulis atau sasterawan-sasterawan terkenal seperti Shahnon Ahmad, Arenawati, A. Samad Said, Adibah Amin dan ramai lagi. Di samping itu, pengkaji akan mengupas isi novel ini untuk mengetahui sama ada novel-novel yang dikaji ini mempunyai pertalian atau kaitan dengan diri beliau

¹ Chey Lay Hong, 1996. "Retorik Kepengarangan : Menanggapi Keghairahan Mengarang". Latihan Ilmiah. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 6

dan faktor yang menyebabkan tercetusnya idea untuk menghasilkan novel yang sedemikian rupa.

3.1 *Latar Belakang Pengarang*

Nama sebenar beliau adalah Zaharah Haji Nawi. Beliau dilahirkan di Kampung Parit Jawa, Batu Pahat, Johor pada 5 Mei 1940. Beliau merupakan anak perempuan tunggal daripada sebelas orang adik beradik lelaki dan anak kepada seorang peniaga kecil. Beliau menerima pendidikan formal hingga darjah enam di sekolah Melayu, lulus sekolah agama hingga darjah tujuh dan mendapat pendidikan bahasa Jepun; pada tahun 1952. Walaupun beliau amat berminat dengan dunia penulisan, namun beliau menyedari dengan pelajaran dan pengalaman yang dimilikinya ketika itu amat sukar bagi beliau untuk mencapai cita-citanya.

Lantaran itu beliau berusaha untuk menyambung pelajarannya hingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi di samping ingin cuba hidup berdikari. Akhirnya pada tahun 1961 beliau telah lulus peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE) atau Sijil Rendah Pelajaran dengan belajar secara persendirian. Tidak berapa lama kemudian beliau telah lulus pula Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat pangkat tiga.

Berbekalkan semangat, harapan dan cita-cita yang tinggi menggunung beliau telah mula mengorak langkah untuk memenuhi impian beliau yang telah membara dari sejak berumur belasan tahun lagi, iaitu keinginan untuk menjadi

penulis dan wartawan. Akhirnya beliau telah meninggalkan negara yang tercinta bagi merealisasikan impiannya dengan mencuba nasib di Tokyo pada tahun 1966-1968 untuk mempelajari ilmu fotografi selama lima tahun dengan biayaan sendiri dan sedikit pinjaman daripada MARA.²

Ketika berada di Jepun, untuk menyara kehidupannya; beliau terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan sambilan seperti penterjemah dan juruhebah sambilan di NHK (Jabatan Radio Jepun Bahagian Siaran Antarabangsa) dan pada hari minggu pula beliau menjadi model sambilan kepada para penuntut solek dan kerinting rambut di Pyama Beauty College. Walaupun terpaksa mengerah tenaga empat keratnya dan berhempas pulas untuk menambahkan lagi sumber kewangan; namun nasib masih tidak menyebelahnya apabila terpaksa kembali ke tanah air semula. Ini disebabkan kewangan yang diperolehi ketika itu masih tidak mencukupi dan ditambah pula dengan masalah peribadi yang membelenggu dirinya. Akhirnya beliau hanya mampu belajar selama satu setengah tahun sahaja di Tokyo.³

Sekembalinya ke tanah air, beliau telah mula mengorak langkah mencari pekerjaan akhirnya beliau berjaya menjawat jawatan sebagai wartawan di Utusan Melayu pada tahun 1968. Manakala pada tahun 1970 beliau telah dilantik menganggotai Sidang Editor majalah *Wanita* memandangkan kewibawaan dan kebolehan beliau tidak hanya terserlah di dalam bidang kewartawanan sahaja, tetapi juga dalam bidang penulisan sastera.

² Ahmad Kamal Abdullah & Zaiton (peny.) 1995. *Jambak 4*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 179

³ *Ibid*, hlm. 180

Selepas itu, pada tahun 1975 beliau dilantik pula sebagai Ketua Redaksi *Mastika* iaitu sebuah majalah terkemuka terbitan Utusan Melayu yang banyak menyiarkan karya-karya kreatif, esei, kebudayaan, politik dan rencana-rencana umum.⁴

Walaupun bagaimanapun, beliau tidak bekerja lama di Utusan Melayu kerana telah berhijrah ke *The New Straits Times* dan bertugas sebagai pengarang Penerbitan Am (Bahasa Malaysia) di Berita Publishing Sdn. Bhd pada tahun 1976. Beliau juga ditugaskan sebagai editor untuk majalah *Jelita*, *Jaguh*, *Penghibur* dan *Sajian* sehinggalah beliau berhenti pada tahun 1985.

Selepas itu, beliau menjadi editor urusan bagi penerbitan Pustaka Cipta Sdn. Bhd yang beribu pejabat di Selangor. Kemudian menjadi editor majalah *Timang* terbitan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Kini beliau aktif dengan kelab beliau, iaitu KEPENZI dengan harapan semangat dan iltizamnya akan menjadi ikutan serta panduan penulis pelapis yang ingin berjaya. Di samping itu, beliau turut gemar melukis dan mengembara untuk memenuhi masa yang terluang, selain ingin mendapatkan idea-idea untuk berkarya sambil dapat menenangkan fikiran.

Sebenarnya beliau telah mula berkecimpung dalam penulisan sejak tahun 1952-an iaitu sejak berumur dua belas tahun lagi apabila karya-karyanya tersiar dalam *Utusan Kanak-Kanak* dan *Majalah Tunas* terbitan Utusan Melayu.

⁴ *Ibid*, hlm.180

Walaupun beliau sibuk dengan tugas harian, beliau masih meluangkan sedikit masa untuk menulis karya-karya kreatif sama ada cerpen, novel, biografi, drama dan puisi.

Novel pertama beliau ialah, novel *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga*, yang diterbitkan pada tahun 1977 oleh Pustaka Melayu Baru di Kuala Lumpur merupakan korpus kajian pengkaji. Manakala cerpen pertama beliau ialah "Dakapan Yang Berpeluh" yang diterbitkan pada Julai 1965 dalam *Mingguan Malaysia* dan *Dari Siulan Burung-Burung* (antologi bersama) yang diterbitkan pada tahun 1977 oleh Pustaka Melayu Baru di Kuala Lumpur merupakan antologi cerpen pertama beliau. Manakala sajak pertama beliau ialah "Bebaskan Beta", yang disiarkan dalam majalah *Belia* pada tahun 1957. Manakala drama pertama beliau ialah *Lenggang Sejuta Rentak* yang telah diterbitkan oleh Penerbit Abas Bandung di Melaka. Tarikh diterbitkan tidak diingati oleh pengarang.⁵

Beliau turut mempunyai nama pena yang tersendiri semasa berkarya misalnya I.M, Imum Murni, Pena Mutiara, Zahni Batu Pahat, L.M Zahni Malaya, Pena Wanita dan Sutera Diwangga; ini mungkin disebabkan terikut-ikut dengan trend penulis zaman itu.

Selain itu, beliau amat meminati hasil karya penulis-penulis tempatan seperti Firdaus Hj. Abdullah, Azizi Hj. Abdullah, Fatimah Busu dan Adibah Amin

⁵ Zaharah Nawawi, "Biodata Dan Karya Dari Fail Peribadi", Bahagian Dokumentasi, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

yang sering dijadikan sebagai idola dan pemangkin beliau dalam berkarya.⁶

3.2 *Gaya Penulisan dan Pemikiran Zaharah Nawawi*

Biasanya seorang pengarang atau seniman akan menitikberatkan teknik atau stail (gaya) dalam penulisannya ketika menghasilkan sesebuah karya. Ini kerana dalam penghasilan karya sastera terdapat tiga faktor penting, iaitu sifat, sikap, dan bakat. Ketiga-tiga faktor ini, membantu pengarang menghasilkan karya untuk masyarakatnya. Di samping penggunaan bahasanya yang baik pengarang juga perlu mempunyai teknik untuk menghasilkan karyanya. Dengan adanya pengalaman hidup, sikap dan sifat, teknik dan bahasanya, bakat dan persepsinya, seseorang pengarang dapat berfungsi memberikan keindahan dan pengetahuan kepada pembacanya.⁷

Bahasa di dalam sesebuah karya sastera adalah hasil perkongsian masyarakat penutur dan penggunaannya; dan perkongsian ini pula tidak sekadar terbina atas dasar keintuitifan semata-mata dipindahkan dari satu pertuturan kepada satu pertuturan yang lain dengan tidak memperhitungkan perlakuan memilih. Bahasa di dalam sesebuah hasil sastera adalah bahasa yang paling bagus (setidaknya-tidaknya bagi penulis itu sendiri) kerana telah melalui proses perincian dan pemilihan secara halus dan bijak (leksikon / diksi) agar maksud yang hendak ditonjolkan lebih mendekati cita-cita penyampaian. Bahasa di dalam sesebuah hasil sastera atau sebanyak mana

⁶ *Ibid*, hlm. 179-180

sekalipun penggunaan simbol dan metaforanya, ia tetap mengarah kepada realiti. Bahasa sebagai pendorong kepada asas-asas realiti memungkinkan kita menduga maksud dan pramaksud penulis.

Oleh itu, bagi menentukan gaya penulisan antara elemen-elemen yang diperhatikan ialah objektif penulis, faktor sekeliling dan juga ditentukan oleh personaliti diri penulis itu. Ia juga termasuk pemilihan kata atau diksi dalam penceritaan, penggunaan kata-kata figuratif atau perbandingan.

John Middleton (1960), pernah mengungkapkan kesulitan untuk memahami gaya seorang pengarang dengan mengatakan bahawa elemen enam buah buku masih belum cukup untuk membicarakan tentang gaya. Kesulitan untuk mencari istilah gaya semakin bertambah apabila timbulnya laras.⁸ Jika ditinjau pula dari segi gaya penulisan pengarang ini, dapati Zaharah boleh dikatakan sebagai penulis yang berterus terang dan kurang menggunakan bahasa yang berbunga-bunga atau berkiasan. Tidak seperti para sasterawan lain misalnya, Shahnnon Ahmad yang begitu kaya dengan pelbagai gaya dan ianya sukar difahami; apatah lagi ditambah dengan kepuitisan diksinya.

Walau bagaimanapun, pengarang ada juga menerapkan sedikit gaya dalam penulisannya seperti gaya bahasa berulang-ulang, bahasa figuratif atau perbandingan, memilih makna selapis atau dua atau lebih serta teknik dialog, teknik imbas kembali, teknik imbas muka dan sebagainya. Ini bertujuan untuk

⁸ Mohd Yusof Hassan, 1995. *Penghayatan Fiksyen Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 158

memperindahkan lagi sentuhan penanya dalam menghasilkan karya, tetapi teknik atau gaya yang banyak ditonjolkan ialah gaya atau teknik naratif, contohnya :-

"Tangan Adzie mencapai akhbar Fikiran yang terletak melintang di mejanya. Dia membuka lalu membaca setiap ruangan di setiap muka. Tujuan utamanya ialah untuk mencari idea juga berita-berita menarik untuk membuat berita lanjutnya"⁹

Teknik atau gaya yang lain pula seperti, dialog :-

"Ikan ruan Pak!" Sheirin menerangkan.
"Berapa ekor kau dapat?" Tanya Hajah Fatimah dengan senyum yang benar-benar riang. Riang kerana melihat wajah Sheirin yang riang.
"Amboi besarnya!" Tiba-tiba Kintan Bersuara dari belakang Hajah Fatimah...."¹⁰

Contoh imbas kembali :-

"Betapa tidak... Sheirin melayang-layangkankan fikirannya fikirannya kembali ke kampung. Pukul enam pagi tadi, dia berada di kampungnya. Di tengah-tengah sawah yang kaya dengan buah-buah padi menguning emas."¹¹

Zaharah juga turut berusaha menghidupkan 'bahasa daerahnya' atau 'ungkapan daerah' yang diselitkan dalam novel *SBMB* ini. Sebagai contohnya perkataan *bedekop* (hlm 9), *menyapong* (hlm 14) dan *bersememeh* hlm 19).

⁹ Shaidah Shafie, 1996. "Pemikiran Islam dan Gaya Kepengarangan Abdullah Hussien dalam Novel Imam". Latihan Ilmiah. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 45

⁹ Zaharah Nawawi, 1988. *Selamat Datang Adzie Farahah*, Shah Alam : Marwilis Publishing, hlm. 45

¹⁰ Zaharah Nawawi, 1972. *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga*, hlm. 5

Di samping itu, beliau turut menggunakan bahasa kewartawanan, gaya bahasa ini digunakan dengan begitu lincah, pendek ayat-ayatnya, lurus serta terang tidak berbelit-belit. Cara ini sebenarnya adalah satu usaha yang menguntungkan pengarang dan lebih memudahkan pembaca-pembaca mengikuti ceritanya.¹² Contohnya :-

"Sheirin menengadah ke atas. Alam di atas itu sungguh bersih. Tiada secalit awan putih pun. Tiada secalit awan hitam pun. Biru. Biru. Bersih. Indah. Tenang..."¹³

Secara umumnya, teknik atau gaya penulisan beliau agak mudah difahami serta tidak perlu membuat penelitian yang agak terperinci ini mungkin disebabkan pengarang sebenarnya mempunyai matlamat dalam setiap penulisan. Di samping itu, beliau juga tidak mahu menyukarkan khayalak memahami apa yang ingin disampaikan kerana yang penting beliau ingin mencurahkan segala yang terpendam dalam hati dan menyampaikan sesuatu mesej, idea dan harapan; kepada pembaca dengan cara yang halus dan selamat.¹⁴

Justeru dalam penulisan karya sastera kreatif kaedah menyampaikan sesuatu amat sensitif dan perlu dilakukan secara sastera penuh kemesraan dan keindahan, bukan secara langsung dan terpejal-pejal. Penyampaiannya amat perlu dilapisi dengan gaya bahasa yang hidup yang kadang-kadang tersirat penuh kerahsiaan untuk direnungi oleh pembaca tetapi siratannya jangan pula

¹¹ *Ibid*, hlm. 30

¹² Suratman, 1973. "Gaya Bahasa Sebelum Berhujungnya Musim Bunga". *Akhbar Dupa*, hlm.

¹³ Zaharah Nawawi, *op.cit* (*SBMB*), hlm. 24

¹⁴ Ahmad Kamal Abdullah dan Zaiton, *op.cit*, hlm. 191

terlalu serabut dengan 'zig-zag' sehingga langsung menjadi kebenaran dan gelap tidak difahami oleh sesiapa, malah pengarang sekalipun.¹⁵

Oleh itu, kemungkinan besar pengarang beranggapan keindahan sesebuah karya itu memang bersandarkan kepada kepandaian dan kehebatan pengarang bermain dengan kata-kata sehinggalah timbulnya sesuatu yang dinamakan keindahan tetapi yang penting bagi beliau ialah mesej dan amanat yang ingin disampaikan dapat direalisasikan dengan sebaiknya agar pembaca memperolehi manfaat yang berguna kelak.

Manakala dari segi pemikirannya pula, dapati beliau sebenarnya banyak menerapkan pengalamannya sendiri menghasilkan karya-karyanya terutamanya karya-karya yang dijadikan bahan kajian pengkaji. Ini kerana, seseorang pengarang karya sastera semestinya mempunyai latar belakang peribadi yang tersendiri dan perkembangan latar belakang ini berhubung erat dengan alam sekeliling masyarakatnya pula. Faktor-faktor kehidupan keluarga, pendidikan awal dan pendidikan selanjutnya, pekerjaan dan pengalaman serta penglibatannya dalam gerakan kehidupan setiap hari pengarang boleh melahirkan sesebuah karya.¹⁶

Ini jelas terbukti di dalam novel *SBMB*, apabila beliau dapat mengolah dengan sebaik mungkin plot ceritanya sehinggakan bagaimana keadaan di Jepun terutamanya Tokyo dapat disulam dalam cerita ini dengan sebaik mungkin. Selain itu, jika diteliti perkerjaan watak utama ini iaitu Sheirin semasa di Tokyo adalah sama dengan pengalaman kerja yang pernah ditempuhi oleh

¹⁵ Abdullah Hassan, et.al, *op.cit*, hlm : 531-532

¹⁶ Mohd Yusof Hasan, *op.cit*, hlm. 36

beliau semasa bekerja di Tokyo juga. Malah beliau turut menceritakan perjalanannya dari Batu Pahat dengan menempuh Sungai Muar, Sungai Batu Pahat, keadaan feri di kawasan tersebut dan sebagainya, dengan panjang lebar termasuklah perubahan-perubahan yang telah berlaku apabila sekembalinya ke kampung halamannya semula. Contoh petikan yang menggambarkan keadaan tersebut adalah seperti di bawah :-

"Sungai Batu Pahat juga sudah tidak menggunakan feri lagi. Jambatan di sana serentak dibuat dengan jambatan ini. Tapi harganya murah sedikit dari Sungai Muar, kira-kira tiga juta lebih sahaja kalau tidak silap saya. Itu kerana Sungai Batu Pahat kecil sedikit dari Sungai Muar ini...."¹⁷

Manakala novel *PSSM* pula memang benar-benar dari pengalaman beliau sendiri yang turut sama menyaksikan dan mengalaminya bersama-sama penduduk di Batu Pahat. Ini jelas tergambar melalui pengakuan beliau sendiri iaitu :-

"Peristiwa rumah Pak Naib dua beranak dibakar komunis dan sembilan orang daripada sebuah keluarga dibunuh masih tetap muncul sekali-sekala di dalam ingatan, terutama pada babak-babak yang betul-betul tragik ... Ahmad, nama anak itu dengan jantungnya keluar masuk dari luka di dadanya pada setiap kali dia menghembus dan menarik nafas, serta kenangan tentang kami sekeluarga bersama penduduk kampung yang lain tidur di dalam semak belukar dengan berbantalkan akar pokok bebanyu sementara bintang di langit mengerdip seolah-olah menyuruh saya tidur dengan nyenyaknya, tidak pernah luput daripada ingatan. Kenangan itu indah apabila disebut, tetapi sakit sewaktu merasainya".¹⁸

¹⁷ Zaharah Nawawi, *op cit* (*SBMB*), hlm. 81

¹⁸ Zaharah Nawawi, 1991. *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. v

Novel *SDAF*, pada pendapat pengkaji ia juga turut merupakan hasil daripada renjisan pengalaman beliau yang pernah menceburkan diri dalam bidang kewartawanan. Malah beliau sendiri boleh dikatakan agak mengagungkan kerjaya sebagai kewartawanan dan begitu berminat terhadap kerjaya ini.

Oleh itu, pengkaji beranggapan bahawa ketiga-tiga novel yang dikaji ini adalah hasil daripada renjisan pengalamannya sebelum berjaya seperti yang kita lihat sekarang.

Justeru, dapatlah pengkaji menyatakan bahawa novel-novel yang dikaji oleh pengkaji ini kecuali novel *PSSM* merupakan novel yang lebih ke arah perjuangan wanita yang inginkan kehidupan yang berjaya dalam lapangan yang diceburi. Perkara ini turut diakui oleh Rosnah Baharudin yang menyatakan bahawa bagi Zaharah beliau telah disinonimkan dengan kegemaran menampilkan watak-watak wanita tegas, bersungguh-sungguh dan tabah dalam mengharungi kehidupan. Lantaran daripada sikap tabah dan tidak mudah menyerah kalah menyebabkan watak utama ini mampu mengecap kemenangan dan kebahagiaan akhirnya. Malah beliau turut menggambarkan betapa tingginya taraf wanita Melayu itu yang tidak mudah dinodai oleh lelaki dalam usahanya mencapai cita-citanya.¹⁹

Sebagai misalannya watak Sheirin dalam *SBMB* merupakan adaptasi dari kehidupan realiti beliau suatu ketika dahulu yang pernah mengalami tekanan perasaan lantaran daripada sikap ayahnya yang tidak menitikberatkan

pelajarannya. Malah ayahnya telah memaksa beliau berkahwin dengan sepupunya sendiri, lalu untuk menunjukkan protes beliau terhadap kekolotan fikiran orang tuanya ketika itu beliau telah menentangnya. Penentangan yang dilakukan adalah dengan cara berdikari dan berusaha sendiri mendapatkan sumber kewangan ketika beliau belajar di Tokyo. Begitu juga dengan watak Sheirin yang digambarkan dalam novel *SBMB* yang turut sama mengalami nasib seperti beliau juga.

Malah menurut Hamzah, novel *SBMB* ialah novel autobiografi catatan hidup yang menyamar sebagai novel, namun sebagai novel yang berperasaan.²⁰ Malah Rashidah Ismail turut menyatakan bahawa, membaca novel setebal 98 muka ini, terasa seperti membaca kisah hidup pengarangnya sendiri. Malah beliau yakin ini pasti dirasakan juga oleh orang-orang yang kenal rapat dengannya. Dari segi penceritaannya, walaupun tentang babak percintaan ini sahaja Zaharah Nawawi tidak mahu berterus terang samada berakhir dengan kebahagiaan atau kegagalan, pada keseluruhannya novel *SBMB* adalah sebuah novel yang berjaya.²¹

Di samping itu beliau juga merasakan pada suatu ketika dahulu penindasan ke atas kaum wanita agak ketara. Ini disebabkan anggapan dan fikiran orang tua pada ketika itu terlalu mengharapkan anak-anak lelakinya berjaya dalam bidang pelajaran serta diberikan kebebasan berbanding dengan kaum wanita yang layak dan sesuai duduk di ceruk dapur sahaja. Di samping

¹⁹ Rosnah Baharuddin, 1996. "Mencari Jati Diri Feminisme Dalam Karya Novelis Tempatan" dlm. Bengkel Sastera Bandingan : Feminisme, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 13-14 Ogos, hlm. 8

²⁰ Hamzah, 1972. "Sebelum Berhujungnya Musim Bunga", *Utusan Zaman*, 10 Disember

²¹ Rashidah Ismail, 1972. " Novel Sebelum Berhujungnya Musim Bunga", *Berita Minggu*, 24 Februari, hlm.4

itu terpaksa menolong kerja-kerja di dapur serta membantu melakukan kerja-kerja rumah tanpa diberikan peluang untuk bermain atau bergaul dengan wanita atau anak-anak gadis yang lain.

Ini jelas tergambarkan melalui luahan ketidakpuasan hati beliau yang terpaksa memikul tanggungjawab yang berat ketika itu :-

"Sebagai anak desa saya dikehendaki membuat kerja apa sahaja yang boleh bagi meringankan beban kerja. Jika anak lelaki bangun pukul lima, saya mesti bangun pukul empat subuh bersama ibu membuat sarapan pagi sebelum bersama-sama menoreh. Petang-petang hari abang mencuri peluang meninggalkan rumah untuk berseronok bermain badminton dan bola sepak, sedangkan saya terlonta-lonta di rumah capai itu, tangkap ini, mendukung adik yang menangis, mengemas rumah yang sentiasa berselerak, membantu ibu menanam ubi kayu, keladi dan keledak dan lain-lain sayuran dan lada. Menjelang senja memasak untuk makan malam Mahu atau tidak, saya mesti menjalankan tugas tersebut kerana inilah tugas utama saya dan lain-lain anak perempuan yang keadaan ekonominya hampir serupa."²²

Berdasarkan luahan hati beliau, dapati bahawa beliau berasa tidak puas hati terhadap persepsi masyarakat pada ketika itu yang terlalu memandang rendah terhadap kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki.

Malah berdasarkan hujahan beliau didapati kaum wanita terlalu dibebankan dengan pelbagai kerja daripada kerja di rumah hinggalah kerja di kebun atau menoreh serta mengangkat kayu api. Tugasannya ini dilakukan semata-mata untuk membantu kedua orang tuanya mencari sesuap nasi untuk

²² (Dalam) Azlinda Abdul Aziz, 2002. "Citra Wanita Dalam Karya-Karya Zaharah Nawawi Kertas Projek Sarjana. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 47

mereka sekeluarga sedangkan kaum lelaki yang mempunyai tenaga yang lebih kuat daripada kaum yang lemah ini diberikan 'kemerdekaan' sepenuhnya dan diberikan pendidikan sewajarnya.

Lantaran daripada pengalaman pahit inilah didapati kebanyakan hasil sentuhan pena beliau ini mengemukakan novel-novel yang bertemakan perjuangan wanita yang tidak pernah getir menghadapi dugaan dan pelbagai ragam kehidupan, misalnya dalam novel *SBMB*, *SDAF*, *Jalur Sinar Di Celah Daun* dan *Anugerah*; dan kesemua watak utama di dalam novel-novel ini merupakan wanita iaitu wanita yang berjaya dan memperolehi kemenangan dalam hidupnya. Sebenarnya Zaharah banyak menerapkan tema perjuangan sejak awal-awal beliau menulis lagi, hanya sesekali sahaja beliau lari kepada masalah keluarga dan dalam pada masa itu pun, beliau masih sempat menyelitkan perjuangan dan kejayaan kaum sejenisnya meskipun dalam gaya penyampaian yang sederhana dan mudah.

Malah beliau turut menyatakan bahawa :-

"Tekanan perasaan saya yang saya alami akibat menjadi mangsa diskriminasi ini tidak mungkin dapat dilupakan. Kerananya secara tidak langsung atau secara langsung saya turut memperjuangkan hak kaum wanita dalam karya-karya saya."²³

Elien Moers turut mengemukakan pendapatnya dengan mengatakan hanya kaum wanita yang lebih dan mengenal kaum sejenisnya secara lebih wajar:-

²³ Ahmad Kamal Abdullah & Zaiton (peny), *op.cit*, hlm. 60

"If men could see us as we really are, they would be a little amazed, but the cleverest, the acutest men are often under an illusion about women : they miss apprehend them"²⁴

Justeru dapatlah dikatakan bahawa Zaharah Nawawi sebenarnya adalah seorang novelis yang benar-benar peka dan sensitif dengan keadaan persekitarannya. Di samping itu, beliau turut berjaya menyulam kesemua pengalaman yang dikutip dan ditempuhi kemudian diolah dan diadun sehingga dapat melahirkan karya-karya yang agak bersifat feminis dan perjuangan wanita. Walau bagaimanapun beliau tidaklah mendendami kaum lelaki walaupun wujudnya perasaan ketidakpuasan hati beliau terhadap sistem tradisi yang sering membelenggu dan mengongkong kebebasan kaum wanita. Ini kerana, ada juga hasil sentuhan kreativitinya yang menonjolkan watak dan kehebatan kaum lelaki seperti novel *PSSM* dan *Pesisir Hitam*.

Berdasarkan huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa bahasa adalah perkara yang paling utama yang menjadi media kesusasteraan. Di sini persoalan bagaimana pengarang bijak dan secara indah mengeksploitkan bahasalah yang turut menentukan martabat komposisi karya sastera yang menyepadukan keperihalan kemanusiaan. Malah dengan gaya bahasa inilah akan melahirkan bibit kesenian atau keindahan yang mendalam berdasarkan persepsi pancaindera dan hasrat jiwa. Penilaian terhadap karya sastera sebenarnya terletak pada dua ciri, iaitu keperihalan manusia dan bahasa kesebatian antara dua unsur inilah yang melahirkan estetik yang menjadi teras kesusasteraan dalam erti kata yang sebenar. Jatuhnya mutu sesebuah karya sastera kerana tidak adanya kemesraan atau keserasian antara keperihalan

²⁴ Moers, Ellen, 1976. *Literary Women*, New York : Doubtledly, hlm. 113

kemanusiaan dengan bahasa benar-benar meninggalkan rasa seni yang berdasarkan persepsi pancaindera dan hasrat jiwa yang disebut estetik.²⁵

Manakala menyentuh tentang penulisan Zaharah ini, didapati beliau lebih suka memaparkan kisah tentang kehidupan masyarakat hari ini. Masyarakat yang penuh dengan seribu satu persoalan. Malah beliau bukanlah seorang penulis yang terlalu mementingkan populariti. Ini dijelaskan:-

"Lagipun saya menulis bukanlah untuk mencari populariti dan terpulanglah kepada pembaca sendiri untuk menilaikan setiap karya saya samada mereka suka atau pun tidak terserahlah."²⁶

Berdasarkan luahan hati pengarang ini, didapati beliau merasakan bahawa tanggungjawabnya sebagai novelis bukan hanya menulis atau menghasilkan karya sahaja tetapi harus juga memahami dan menyelami hati dan keadaan masyarakat di sekelilingnya. Ini kerana, mesej dan pengajaran yang hendak disampaikan oleh beliau akan terlaksana kelak dan pembaca turut mendapat manfaatnya juga di samping dapat membuka minda mereka.

²⁵ Shahnnon Ahmad, 1994. *Sastera Pengalaman, Ilmu, Imajinasi dan Kitarannya*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 18-19

²⁶ Zaharah Nawawi, "Biodata dan Karya-Karya Dari Fail Peribadi", Bahagian Dokumentasi, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

3.3 *Kedudukan Dan Sumbangan Dalam Dunia Kesusasteraan Melayu*

Zaharah Nawawi, merupakan seorang penulis yang berkebolehan kerana selain menulis karya yang berbentuk novel beliau turut aktif menulis puisi, rencana, wawancara dan cerpen. Malah ada di antaranya yang telah memenangi beberapa anugerah di antaranya ialah, "Wangian Bukit Peranginan" telah memenangi Hadiah Penghargaan Pertandingan Cerpen Anjuran Kebudayaan Negeri Pulau Pinang, YTL- Berita Harian pada tahun 1996. Cerpen "Kereta Air" pula telah memenangi hadiah saguhati Hadiah Cerpen Maybank DBP pada tahun 1994/95.

Manakala "Air Mata Lelaki" telah berjaya merangkul hadiah Ke-2, Peraduan menulis Cerpen-cerpen Berunsur Islam ke-9 anjuran JAKIM 1996. Cerpen "Bulan dan Matahari" telah berjaya memenangi hadiah saguhati Hadiah Sastera Utusan / Public Bank 1996. Cerpen "Pemain Catur" yang dikarang selama lima hari sahaja telah merangkul dua anugerah, iaitu hadiah utama, hadiah Sastera Utusan / Publik Bank, pada bulan September 1999 dan memenangi Pemenang hadiah Sastera Johor Kategori Cerpen Eceran, pada bulan November 1994.

Beliau turut berjaya mendapat hadiah penghargaan melalui cerpen "Orang Bertopeng" anjuran Kebudayaan Negeri Pulau Pinang YTL, oleh Berita Harian pada 1996. Manakala cerpen berunsur Islam, iaitu "Perjalanan Yang Jauh" turut berjaya meraih dua kemenangan iaitu, Pemenang Cerpen Berunsur

Islam Ke-8 anjuran BAHEIS / DBP (1995) dan Pemenang Hadiah Sastera Johor pada tahun 1996. Cerpen "Anak – Anak Suria" hanya berjaya memenangi hadiah saguhati dalam pertandingan Hadiah Sastera Utusan / Publik Bank pada tahun 1996.

Selain itu, ada di antara novelnya yang telah dijadikan sebagai buku teks di sekolah menengah seperti novel *Jalur Sinar Di Celah Daun* yang dijadikan sebagai buku teks di tingkatan 4 dan 5 selama tujuh tahun berturut-turut. Manakala novel *Panglima Salleh Selempang Merah* turut dijadikan buku teks tingkatan 6.

Pemilihan novel-novel tersebut disebabkan tema cerita hasil karya Zaharah ini mempunyai kekuatan yang tersendiri. Sebagai misalannya novel *Jalur Sinar Di Celah Daun* yang merupakan novel keduanya ini merupakan novel yang memaparkan kegigihan seorang wanita yang berjuang dan tidak kenal erti putus asa dalam usahanya untuk meneruskan kehidupan. Walaupun pelbagai rintangan dan kepayahan terpaksa diharungi seorang diri tanpa bantuan daripada seorang lelaki yang bergelar suami.

Namun akhirnya berkat kesabaran dan keazaman yang tinggi akhirnya beliau berjaya memperolehi apa yang diidamkan sehinggakan suaminya yang baru keluar dari penjara turut mengkagumi dan memandang tinggi atas kebolehan beliau walaupun beliau tergolong dalam kategori insan yang lemah. Mungkin disebabkan tema cerita ini mempunyai mesej dan pengajaran maka inilah yang menyebabkan karya ini dipilih sebagai buku teks sekolah selama tujuh tahun berturut-turut.

Malah Hashim Awang, telah menganggap novel ini merupakan sebuah karya yang penuh dengan kesederhanaan, iaitu sederhana dalam pemilihan tema, teknik penggarapan tema dan pemakaian bahasanya. Pada pendapat beliau keistimewaan novel ini terletak kepada garapan persoalan perjuangan hidup wanita di daerah perkampungan peneroka.²⁷ Dengan kata lain, wanita yang pada anggapan umum itu lemah, sebenarnya telah berjaya memercikkan kekuatan tenaga, jiwa yang padu dan unggul.

Manakala *PSSM* pula dipilih disebabkan ia merupakan novel sejarah yang banyak mengenengahkan kekuatan semangat patriotik yang harus disemai di dalam setiap hati dan minda para pelajar supaya mempunyai semangat cintakan tanah air sendiri dan berusaha untuk memajukan dan memakmurkan tanah air sendiri tanpa campur tangan atau bergantung dengan kuasa-kuasa luar yang akhirnya akan menyebabkan timbulnya propaganda dan penindasan ke atas rakyat di tanah air ini sendiri.

Novel ini juga sebenarnya distrukturkan untuk menggambarkan keadaan darurat atau perang yang berlaku dalam dekad 40-an khususnya di Johor. Ini dilakukan dengan menonjolkan pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 9 Disember 1941 dan kemunculan penganas komunis (Bintang Tiga) untuk menguasai negara ini. Semasa Perang Dunia ke-2 terdapat dua kuasa, iaitu Jepun dan komunis (Bintang Tiga). Maka banyak kezaliman telah berlaku terutamanya kepada siapa yang ingkar dan yang tidak mahu memberi bantuan serta kerjasama yang sewajarnya. Di samping itu beliau juga ingin menggambarkan keadaan penduduk kampung yang hidup dalam ketakutan

²⁷ Hashim Awang, 1982. "Kemenangan Wanita Dalam Jalur Sinar Di Celah Daun", dlm. *Dewan Sastera*, Oktober, hlm. 42,

akibat kekejaman pihak komunis yang keterlaluan. Justeru penulis telah menggariskan beberapa kejadian pembunuhan dan pembakaran rumah penduduk kampung yang enggan memberikan kerjasama kepada pihak mereka.²⁸

Manakala Anwar Ridhwan pula menyatakan:-

"Hanya segelintir orang-orang Panglima Salleh yang masih hidup, mengenang gelombang sejarah dan peristiwa besar itu, sementara warganegara lainnya, terutamanya generasi muda, hampir tidak tahu akan gejolak sejarah yang berlaku di sekitar Batu Pahat. Ini yang membentuk simpang sejarahnya sendiri dalam sejarah sosial dan politik tanah air."²⁹

Dalam kepentingan itulah novel ini terpilih untuk dijadikan buku teks sekolah kerana ia mempunyai banyak keistimewaan yang tersendiri di samping dapat menanamkan semangat perjuangan kepada generasi muda.

Di samping itu, beliau juga turut menyumbangkan idea dan pengalaman kepada para generasi muda agar mencintai dan mengkagumi dunia kesusasteraan yang penuh dengan keindahan jika ia berjaya disulami dengan mesej dan amanat yang berguna kepada para pembaca. Oleh itu, di atas rasa kebertanggungjawabnya terhadap dunia sastera yang diminati ini maka beliau telah menubuhkan KEPENZI semata-mata untuk mendidik dan mengasuh mereka yang berminat dalam bidang ini ke arah penulisan sastera yang kontemporari serta mengandungi amanat yang berguna kepada pembaca; agar

²⁸ Rusimah, Ibrahim, 1991/1992. "Persoalan Pokok Dalam Novel-Novel Zharah Nawawi". Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 76

suatu hari nanti mereka ini juga boleh menjadi sehebat para sasterawan yang terkenal. Selain untuk memancing golongan ini agar meminati bidang ini serta turut menyumbang ke arah pembangunan sahsiah negara suatu hari kelak.

Justeru, untuk menyemarakkan semangatnya dalam bidang penulisan ini berpanjangan maka beliau cuba menjadi pemangkin kepada generasi muda dengan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna di samping dapat bertukar-tukar pendapat dengan mereka yang berminat menceburkan diri di dalam kelab yang ditubuhkan. Oleh itu, dapat digambarkan bahawa beliau memanglah seorang sasterawan yang benar-benar cintakan bidang penulisan dan boleh dikatakan penghidupannya banyak dihabiskan dalam bidang yang diminati.

Dapat disimpulkan bahawa Zaharah Nawawi adalah seorang novelis yang tidak boleh dipertikaian kehebatannya ditambah lagi apabila beliau telah dikurniakan Anugerah *SEA WRITE Award* ke 18 di kota Bangkok pada tahun 1996 bagi menghargai jasa dan kewibawaan beliau dalam bidang kesusasteraan. Justeru anugerah itu layak dianugerahkan kepada beliau disebabkan kesabaran, ketekunan, ketelitian serta kegigihan beliau yang tidak pernah kenal erti putus asa dalam berkarya. Di samping dapat memantapkan karya beliau agar sejajar dengan keadaan pada ketika itu serta merangkumi mesej dan pengajaran yang boleh dikutip oleh khalayak apabila menelaah novel tersebut. Ini kerana memang hasrat beliau yang inginkan pembaca dapat manfaat dan pengajaran untuk dijadikan iktibar dan pedoman pada masa akan

²⁹ Anwar Ridhwan, "Mengikuti Novel Panglima Salleh Selempang Merah" dlm. *Dewan Sastera*, him. 28, Oktober 1989

datang. Malah novel *Anugerah* ini dikatakan sebagai novel yang tertebal di Malaysia.

Sewajarnya Zaharah Nawawi, merupakan penulis wanita yang dapat dibanggakan. Beliau bertatih dari bawah, bergerak sedikit demi sedikit. Kegigihan dan kesungguhan itulah yang meletakkan kejayaan dan beliau begitu yakin dengan prinsip itu. Ini bermakna, sejarah hidup yang dilalui pada tahap awal bagi penulis wanita ini memang cukup menarik dan sesungguhnya keperitan hidup yang meragami kehidupan itu sendiri untuk mengkayakan pengalaman dan kemudian beruntunglah kalau seseorang individu dianugerahi bakat penulisan. Sejak dari itu, Zaharah meneruskan hidupnya dengan pelbagai cara termasuk bekerja sebagai orang gaji, guru bahasa kebangsaan dan penjual tiket feri di Batu Pahat.

Pengalaman masa lalunya telah menjadikan beliau seorang yang begitu tabah. Ini dijelaskannya :-

"Sejak kecil saya sudah biasa hidup susah. Jadi segala suka duka, susah senang di dalam dunia kewartawanan sudah saya anggap biasa. Saya tidak pernah mengalirkan air mata apabila mengalami masalah kerja,"³⁰